

### **BAHAGIAN III**

#### **PENYERAHAN, PENGESAHAN DAN PEMBENTANGAN PENYATA KEWANGAN AGENSI NEGERI**

##### **Perkara Utama**

##### **Apa yang diaudit?**

- Perenggan 5(1)(c) Akta Audit 1957 menghendaki Ketua Audit Negara mengaudit Penyata Kewangan Agensi Negeri iaitu Badan Berkanun Negeri (BBN), Majlis Agama Islam (MAI) dan Pihak Berkuasa Tempatan (PBT).

##### **Mengapa ia penting untuk diaudit?**

- Pengaudit Penyata Kewangan Agensi Negeri dilaksanakan untuk mengesah dan memastikan penyata kewangan bebas daripada kesalahan dan ketinggaan yang material serta memberi pendapat sama ada penyata itu menggambarkan kedudukan yang benar dan saksama berpanduan akta dan piawaian yang diluluskan.

##### **Apa yang ditemui Audit?**

- Setakat 31 Ogos 2022, kesemua enam BBN dan tujuh PBT serta satu MAI telah mengemukakan penyata kewangan bagi tahun berakhir 31 Disember 2021 untuk diaudit.
- Pejabat Kewangan Negeri (PKN) telah meluluskan tarikh akhir penyerahan penyata kewangan agensi untuk diaudit daripada 31 Mac 2022 kepada 15 Jun 2022. Kesemua agensi telah mengemukakan penyata kewangan untuk diaudit dalam tempoh yang diluluskan.
- Setakat 31 Ogos 2022, hanya 10 penyata kewangan agensi negeri yang telah disahkan manakala empat penyata kewangan agensi negeri yang lain masih dalam proses pengauditan. Sepuluh penyata kewangan agensi yang telah disahkan adalah melibatkan enam penyata kewangan PBT dan empat penyata kewangan BBN.

##### **Apa yang disyorkan Audit?**

- Kerjasama semua peringkat di agensi negeri termasuk pemantauan yang efektif di peringkat Pejabat Kewangan Negeri akan memastikan penyediaan penyata kewangan memenuhi piawaian perakaunan, sistem kawalan dalaman yang berkesan diamalkan dan rekod perakaunan diselenggarakan dengan teratur. Sehubungan itu, pihak Audit mengesyorkan perkara seperti berikut:

- agensi negeri perlu mengemukakan penyata kewangan yang lengkap dan auditable mengikut tempoh ditetapkan. Penyata kewangan yang lengkap perlu mengandungi penyata yang ditandatangani oleh Pengerusi dan seorang Ahli Lembaga Pengarah (Akaun Induk dan Akaun Kumpulan), pengakuan oleh pegawai utama yang bertanggungjawab ke atas pengurusan kewangan dan disertakan dengan dokumen sokongan; dan
- agensi negeri perlu memastikan penyediaan penyata kewangan adalah selaras dengan piawaian perakaunan yang berkuat kuasa.

### **BAHAGIAN III**

### **PENYERAHAN, PENGESAHAN DAN PEMBENTANGAN PENYATA KEWANGAN AGENSI NEGERI**

#### **FAKTA UTAMA**

<b>PENYATA KEWANGAN AGENSI NEGERI TAHUN 2021</b>	<b>Bilangan Agensi Negeri</b>	<b>14 Akaun Agensi</b>
	<b>6 Badan Berkanun Negeri</b>	<b>8 Pendapat Tanpa Teguran</b>
	<b>7 Pihak Berkuasa Tempatan</b>	<b>1 Pendapat Tanpa Teguran Dengan EOM</b>
	<b>1 Majlis Agama Islam</b>	<b>1 Pendapat Berteguran</b>
		<b>4 Belum Disahkan</b>

## **1. PENDAHULUAN**

Mengikut Akta Audit 1957, Ketua Audit Negara mempunyai kuasa untuk mengaudit penyata kewangan agensi negeri iaitu Badan Berkanun Negeri (BBN), Pihak Berkuasa Tempatan (PBT) dan Majlis Agama Islam (MAI). Objektif pengauditan adalah untuk memberikan pendapat terhadap penyata kewangan agensi negeri sama ada penyata ini menggambarkan kedudukan yang benar dan saksama serta rekod perakaunan yang berkaitan telah diselenggarakan dengan teratur dan kemas kini.

## **2. PENG AUDITAN PENYATA KEWANGAN**

2.1. Pada tahun 2022, Jabatan Audit Negara dikehendaki mengaudit 14 penyata kewangan agensi bagi tahun 2021 yang terdiri daripada enam BBN, tujuh PBT dan satu MAI. BBN ditubuhkan mengikut Akta Tubuh Badan Berkanun Negeri, PBT pula ditubuhkan di bawah Akta Kerajaan Tempatan 1976 (Akta 171) dan MAI ditubuhkan di bawah Enakmen Pentadbiran Agama Islam (Negeri Sembilan) 2003.

2.2. Jabatan Audit Negara menjalankan pengauditan terhadap penyata kewangan bagi Majlis Sukan Negeri, Negeri Sembilan dan Majlis Agama Islam Negeri Sembilan manakala baki 12 penyata kewangan dilaksanakan oleh Firma Audit Swasta (FAS) yang dilantik. Pelantikan FAS ini adalah selaras dengan peruntukan di bawah Subseksyen 7(3), Akta Audit 1957 yang memberi kuasa kepada Ketua Audit Negara melantik pihak yang berkebolehan untuk menjalankan pengauditan bagi pihak beliau.

### 3. KEDUDUKAN PENYERAHAN PENYATA KEWANGAN

3.1. Pejabat Kewangan Negeri (PKN) telah meluluskan tarikh akhir penyerahan penyata kewangan agensi untuk diaudit daripada 31 Mac 2022 kepada 15 Jun 2022. Setakat 31 Ogos 2022, kesemua agensi telah mengemukakan penyata kewangan bagi tahun berakhir 31 Disember 2021 untuk diaudit dalam tempoh yang diluluskan. Kedudukan penyerahan penyata kewangan tahun 2021 adalah seperti dalam **Jadual 1**.

**JADUAL 1**  
**PENYERAHAN PENYATA KEWANGAN**  
**BADAN BERKANUN NEGERI, MAJLIS AGAMA ISLAM DAN**  
**PIHAK BERKUASA TEMPATAN BAGI TAHUN BERAKHIR 31 DISEMBER 2021**

BIL.	AGENSI NEGERI	TARIKH PENYERAHAN
<b>BADAN BERKANUN NEGERI</b>		
1.	Perbadanan Perpustakaan Awam Negeri Sembilan	02.03.2022
2.	Majlis Sukan Negeri, Negeri Sembilan	31.03.2022
3.	Perbadanan NS	31.03.2022
4.	Perbadanan Kemajuan Negeri, Negeri Sembilan	31.05.2022
5.	Yayasan Negeri Sembilan	15.06.2022
6.	Lembaga Muzium Negeri Sembilan	15.06.2022
<b>MAJLIS AGAMA ISLAM</b>		
1.	Majlis Agama Islam Negeri Sembilan	15.06.2022
<b>PIHAK BERKUASA TEMPATAN</b>		
1.	Majlis Bandaraya Seremban	31.03.2022
2.	Majlis Daerah Tampin	31.05.2022
3.	Majlis Daerah Rembau	31.05.2022
4.	Majlis Perbandaran Port Dickson	31.05.2022
5.	Majlis Daerah Kuala Pilah	31.05.2022
6.	Majlis Daerah Jelebu	31.05.2022
7.	Majlis Perbandaran Jempol	03.06.2022

Sumber: Jabatan Audit Negara

3.2. Ketua Audit Negara telah mengeluarkan arahan melalui surat bertarikh 11 Julai 2018 yang menetapkan supaya semua penyata kewangan yang dikemukakan oleh agensi mulai tahun 2019 mestilah lengkap dan *auditabile*. Penyata kewangan yang lengkap perlu mengandungi penyata yang ditandatangani oleh Pengerusi dan seorang Ahli Lembaga Pengarah (Akaun Induk dan Akaun Kumpulan), pengakuan oleh Pegawai Utama yang bertanggungjawab ke atas pengurusan kewangan dan dokumen sokongan. Kegagalan agensi untuk mengemukakan penyata kewangan yang lengkap dan *auditabile* akan menyebabkan Sijil Ketua Audit Negara tidak dapat dikeluarkan terhadap penyata kewangan berkenaan dalam tempoh yang ditetapkan.

#### **4. PEMAKAIAN PIAWAIAN PERAKAUNAN**

4.1. Lembaga Piawaian Perakaunan Malaysia atau Malaysian Accounting Standards Board (MASB) merupakan badan yang bertanggungjawab menerbitkan piawaian perakaunan untuk diguna pakai oleh syarikat bermotifkan keuntungan dan Badan Berkanun Persekutuan seperti yang digariskan di bawah Pekeliling Perbendaharaan PA 3.2.

4.2. Setakat 1 Januari 2017, piawaian perakaunan yang diluluskan oleh MASB untuk diterima pakai di Malaysia adalah Financial Reporting Standards (FRS)/Malaysian Financial Reporting Standards (MFRS) dan Malaysian Private Entity Reporting Standards (MPERS).

4.3. Jabatan Akauntan Negara Malaysia (JANM) pula telah mengeluarkan Malaysian Public Sector Accounting Standards (MPSAS) melalui proses tadbir urus seperti yang dinyatakan dalam Ministerial Function Acts 1969 di mana salah satu fungsi JANM adalah menentukan polisi, sistem dan kawalan perakaunan awam selaras dengan Akta Tatacara Kewangan 1957.

4.4. Selain itu, JANM juga telah membangunkan Piawaian Perakaunan Islam bagi Baitulmal, Zakat dan Wakaf (PPIBZW) untuk diguna pakai oleh institusi yang mentadbir baitulmal, zakat dan wakaf atau sumber Islam yang seumpamanya bagi penyata kewangan tujuan umum. Bagi penyediaan penyata kewangan MAI tahun 2021, pemakaian piawaian bagi dasar pengukuran dan pengiktirafan adalah mengikut MPERS manakala bagi pembentangan penyata kewangan adalah berdasarkan kepada PPIBZW Fasa 1. Status pemakaian piawaian perakaunan oleh agensi negeri bagi tahun kewangan 2021 adalah seperti dalam **Jadual 2**.

**JADUAL 2**  
**PEMAKAIAN PIAWAIAN PERAKAUNAN OLEH AGENSI BAGI TAHUN KEWANGAN 2021**

BIL.	PIAWAIAN PERAKAUNAN	BIL. AGENSI
1.	Malaysian Public Sector Accounting Standards (MPSAS)	8
2.	Malaysian Private Entities Reporting Standards (MPERS)	5
3.	Malaysian Private Entities Reporting Standards (MPERS) dan Piawaian Perakaunan Islam bagi Baitulmal, Zakat dan Wakaf (PPIBZW) - Fasa 1	1
4.	Malaysian Financial Reporting Standards (MFRS)/ Financial Reporting Standards (FRS)	0
<b>JUMLAH</b>		<b>14</b>

Sumber: Penyata Kewangan Agensi

## **5. SIJIL KETUA AUDIT NEGARA MENGENAI PENYATA KEWANGAN**

Sijil Ketua Audit Negara mengenai penyata kewangan telah disediakan berdasarkan keperluan The International Standards of Supreme Audit Institutions (ISSAI). ISSAI menetapkan sebanyak dua jenis Pendapat Audit, iaitu Pendapat Tanpa Teguran dan Pendapat Diubahsuai.

### **5.1 Pendapat Tanpa Teguran**

Pendapat Tanpa Teguran menunjukkan juruaudit berupaya memberikan pendapat yang benar dan saksama terhadap penyata kewangan selaras dengan piawaian perakaunan yang diluluskan. Ini termasuklah juruaudit mempertimbangkan perkara seperti berikut:

#### **5.1.1. Perenggan Penegasan Perkara [Emphasis of Matter (EOM)]**

Perenggan yang dimasukkan ke dalam Sijil Audit yang merujuk kepada perkara yang sesuai dikemukakan atau dinyatakan dalam penyata kewangan, di atas pertimbangan juruaudit mentafsirkan ianya amat penting dan asas kepada pemahaman pengguna penyata kewangan.

#### **5.1.2. Perenggan Hal-hal Lain [Other Matter (OM)]**

Perenggan yang dimasukkan ke dalam Sijil Audit yang merujuk kepada perkara selain daripada yang dikemukakan atau dinyatakan di dalam penyata kewangan pada pertimbangan juruaudit, berkaitan dengan pemahaman pengguna mengenai audit, tanggungjawab juruaudit atau Sijil Audit.

#### **5.1.3. Perenggan Perkara Utama Audit [Key Audit Matters (KAM)]**

Perenggan Perkara Utama Audit (KAM) merupakan perenggan yang meliputi isu material yang diaudit dan telah dimaklumkan kepada pihak yang bertanggungjawab terhadap tadbir urus. KAM menunjukkan ketelusan dalam pengauditan yang telah dijalankan melalui Sijil Audit.

### **5.2. Pendapat Diubahsuai**

Pendapat Diubahsuai (Modified Opinion) menunjukkan penyata kewangan tidak menunjukkan keadaan yang benar dan saksama, terdapat salah nyata ketara (material misstatement) atau juruaudit menghadapikekangan sehingga tidak boleh memberikan pendapatnya. Apabila keadaan ini didapati semasa pengauditan, juruaudit perlu membuat pertimbangan sama ada ianya material atau/dan pervasif terhadap penyata kewangan

dan keperluan melaporkan Pendapat Diubahsuai (Modified Opinion) dalam Sijil Ketua Audit Negara. Perkara material atau/dan pervasif adalah asas terhadap Sijil Berteguran, Bertentangan (Adverse) dan Penafian Pendapat (Disclaimer).

### **5.2.1. Pendapat Berteguran**

Pendapat yang dinyatakan oleh juruaudit apabila membuat kesimpulan bahawa salah nyata, secara individu/agregat, adalah material tetapi tidak menyeluruh kepada penyata kewangan. Pendapat ini dikeluarkan setelah mendapat bukti audit yang mencukupi dan bersesuaian atau tiada bukti audit yang mencukupi untuk dijadikan asas pendapat. Juruaudit membuat kesimpulan bahawa kemungkinan kesan daripada salah nyata ke atas penyata kewangan tidak dapat dikenal pasti, berkemungkinan boleh menjadi material tetapi tidak pervasif.

### **5.2.2. Pendapat Bertentangan**

Pendapat yang dinyatakan oleh juruaudit apabila membuat kesimpulan bahawa salah nyata, secara individu/agregat, adalah material dan pervasif kepada penyata kewangan setelah mendapat bukti audit yang mencukupi dan bersesuaian.

### **5.2.3. Penafian Pendapat**

Pendapat ini dinyatakan oleh juruaudit apabila kesan yang mungkin timbul daripada kekangan skop adalah material dan pervasif di mana bukti audit tidak mencukupi untuk memberi pendapat terhadap penyata kewangan. Juruaudit tidak dapat memberi pendapat sama ada penyata kewangan menunjukkan gambaran yang benar dan saksama terhadap kedudukan kewangan. Selain itu, pendapat penafian turut diberi dalam situasi di mana walaupun juruaudit telah memperoleh bukti audit yang mencukupi mengenai setiap ketidaktentuan, tetapi tidak dapat memberi pendapat terhadap penyata kewangan disebabkan oleh potensi ketidaktentuan berinteraksi dan berkemungkinan kesan kumulatif ke atas penyata kewangan.

5.3. Setakat 31 Ogos 2022, Jabatan Audit Negara telah mengesahkan 10 penyata kewangan agensi negeri bagi tahun berakhir 31 Disember 2021 melibatkan enam penyata kewangan PBT dan empat penyata kewangan BBN. Manakala baki empat penyata kewangan agensi negeri yang lain masih dalam proses pengauditan. Lapan penyata kewangan telah diberikan Sijil Audit dengan Pendapat Tanpa Teguran, satu penyata kewangan telah diberikan Sijil Audit dengan Pendapat Tanpa Teguran (EOM) dan satu lagi penyata kewangan telah diberikan Sijil Audit dengan Pendapat Berteguran. Bilangan penyata kewangan mengikut jenis pendapat Audit yang diberikan bagi tempoh tahun 2017 hingga 2021 adalah seperti dalam **Jadual 3**.

**JADUAL 3**  
**PENDAPAT AUDIT YANG DIBERIKAN TERHADAP**  
**PENYATA KEWANGAN AGENSI NEGERI BAGI TEMPOH TAHUN 2017 HINGGA 2021**

BIL.	JENIS PENDAPAT AUDIT	TAHUN KEWANGAN				
		2017	2018	2019	2020	2021*
1.	Pendapat Tanpa Teguran	12	13	14	12	8
2.	Pendapat Tanpa Teguran (OM)	-	-	-	2	-
3.	Pendapat Tanpa Teguran (EOM)	1	-	1	1	1
4.	Pendapat Berteguran	1	1	1	-	1
5.	Pendapat Bertentangan	-	-	-	-	-
6.	Penafian Pendapat	-	-	-	-	-
<b>JUMLAH</b>		<b>14</b>	<b>14</b>	<b>16</b>	<b>15</b>	<b>10</b>

Sumber: Sijil Ketua Audit Negara Tahun 2017 hingga 2021

Nota: (\*) - Sehingga 31 Ogos 2022

5.4. Penyata kewangan tahun 2021 bagi PBT yang telah diberikan Pendapat Tanpa Teguran (EOM) dan Pendapat Berteguran adalah seperti dalam **Jadual 4**.

**JADUAL 4**  
**PENYATA KEWANGAN TAHUN 2021 BAGI PBT DENGAN PENDAPAT TANPA TEGURAN**  
**(EOM) DAN PENDAPAT BERTEGURAN**

BIL.	AGENSI NEGERI	TARIKH SIJIL DITANDATANGANI	ASAS KEPADA PENDAPAT AUDIT
<b>PENDAPAT TANPA TEGURAN (EOM)</b>			
1.	Majlis Daerah Kuala Pilah	16.08.2022	Peruntukan manfaat kakitangan yang diiktiraf oleh majlis seperti dinyatakan di Nota 14 kepada penyata kewangan berjumlah RM1.06 juta merupakan obligasi Gantian Cuti Rehat (GCR) yang akan dibayar sepenuhnya pada tarikh persaraan secara keseluruhan. Majlis perlu menyemak andaian dan anggaran yang digunakan dalam pengiraan manfaat kakitangan ini supaya nilai obligasi GCR yang dilaporkan pada setiap tahun kewangan tidak terlebih nyata.
<b>PENDAPAT BERTEGURAN</b>			
1.	Majlis Daerah Jelebu	15.08.2022	<ul style="list-style-type: none"> <li>i) Hartanah pelaburan berjumlah RM32.23 juta telah terlebih nyata sebanyak RM6.20 juta. Hal ini disebabkan majlis telah merekodkan dua kali hartaanah pelaburan yang sama pada nilai yang berbeza. Hartanah pelaburan berkaitan adalah hartaanah di Simpang Pertang dan Bandar Kuala Klawang.</li> <li>ii) Wang di bank di dua akaun bank telah terlebih catat dengan jumlah RM0.6 juta dan belanja pembangunan, gaji serta belanja pakaian seragam telah terkurang nyata sebanyak jumlah tersebut. Ini berikutan majlis telah membuat pelarasian untuk menyamakan baki wang di buku tunai di dalam penyata penyesuaian bank dengan baki di penyata bank. Baki wang di bank yang sepatutnya pada 31 Disember 2021 adalah berjumlah RM3.26 juta berbanding RM3.84 juta yang dinyatakan di penyata kewangan.</li> <li>iii) Peruntukan manfaat kakitangan telah terlebih nyata dengan anggaran RM509,737. Ini berikutan majlis telah mengiktiraf keseluruhan peruntukan Gantian Cuti Rehat (GCR) sebagai tambahan peruntukan dalam tahun kewangan semasa. Selain itu, pengiraan GCR majlis tidak mengambil kira unjuran gaji akhir kakitangan pada tahun persaraan serta nilai masa kini.</li> </ul>

Sumber: Sijil Ketua Audit Negara Tahun 2021

## **5.5. Sijil Ketua Audit Negara Mengenai Penyata Kewangan Agensi Negeri Bagi Tahun 2020**

5.5.1. LKAN Tahun 2020 mengenai Pengesahan Penyata Kewangan Kerajaan Negeri dan Agensi Negeri serta Pengauditan Pematuhan Jabatan/Agensi Negeri Sembilan Tahun 2020 yang dibentangkan di Dewan Rakyat pada 2 Disember 2021 hanya melaporkan status Sijil Ketua Audit Negara bagi empat daripada 15 penyata kewangan agensi negeri bagi tahun berakhir 31 Disember 2020. Baki 11 penyata kewangan bagi tahun berakhir 31 Disember 2020 tidak dilaporkan kerana masih belum disahkan semasa LKAN dimuktamadkan pada 31 Ogos 2021.

5.5.2. Sehingga 31 Ogos 2022, kesemua 15 penyata kewangan agensi tersebut bagi tahun berakhir 31 Disember 2020 telah selesai diaudit dan telah disahkan. Kedudukan Sijil Ketua Audit Negara mengenai penyata kewangan agensi bagi tahun 2020 adalah seperti dalam **Jadual 5**.

<b>JADUAL 5</b> <b>SIJIL KETUA AUDIT NEGARA MENGENAI PENYATA KEWANGAN AGENSI TAHUN 2020</b>		
<b>BIL.</b>	<b>AGENSI NEGERI</b>	<b>JENIS SIJIL</b>
<b>BADAN BERKANUN NEGERI</b>		
1.	Perbadanan Kemajuan Negeri, Negeri Sembilan	Tanpa Teguran (OM)
2.	Perbadanan NS	Tanpa Teguran
3.	Perbadanan Baitulmal Negeri Sembilan	Tanpa Teguran
4.	Perbadanan Perpustakaan Awam Negeri Sembilan	Tanpa Teguran
5.	Lembaga Muzium Negeri Sembilan	Tanpa Teguran
6.	Majlis Sukan Negeri, Negeri Sembilan	Tanpa Teguran
7.	Yayasan Negeri Sembilan	Tanpa Teguran (EOM)
<b>MAJLIS AGAMA ISLAM</b>		
1.	Majlis Agama Islam Negeri Sembilan	Tanpa Teguran (OM)
<b>PIHAK BERKUASA TEMPATAN</b>		
1.	Majlis Bandaraya Seremban	Tanpa Teguran
2.	Majlis Perbandaran Port Dickson	Tanpa Teguran
3.	Majlis Perbandaran Jempol	Tanpa Teguran
4.	Majlis Daerah Tampin	Tanpa Teguran
5.	Majlis Daerah Rembau	Tanpa Teguran
6.	Majlis Daerah Kuala Pilah	Tanpa Teguran
7.	Majlis Daerah Jelebu	Tanpa Teguran

Sumber: Penyata Kewangan Agensi Tahun 2020

5.5.3. Butiran lanjut mengenai Sijil Ketua Audit Negara Tahun 2020 yang telah diberikan Pendapat Tanpa Teguran (EOM) dan Pendapat Tanpa Teguran (OM) adalah seperti dalam **Jadual 6**.

**JADUAL 6**  
**PENYATA KEWANGAN AGENSI YANG DIBERIKAN**  
**PENDAPAT TANPA TEGURAN (EOM) DAN PENDAPAT TANPA TEGURAN (OM) BAGI**  
**TAHUN KEWANGAN 2020**

BIL.	AGENSI NEGERI	ASAS KEPADA PENDAPAT AUDIT
<b>PENDAPAT TANPA TEGURAN (EOM)</b>		
1.	Yayasan Negeri Sembilan	<p><b>i) Nota 12 Penghutang Perdagangan dan Penghutang Lain</b>            Yayasan Negeri Sembilan tidak mengakaunkan sebahagian baki penghutang perdagangan berjumlah RM5.31 juta mengikut MPERS 11 Instrument Kewangan Asas.</p> <p>ii) Tiada peruntukan hutang rugu diiktiraf dalam tahun semasa di mana laporan pengumuran tidak dapat dijana melalui sistem perakaunan yang diguna pakai Yayasan Negeri Sembilan.</p>
<b>PENDAPAT TANPA TEGURAN (OM)</b>		
1.	Perbadanan Kemajuan Negeri, Negeri Sembilan	Keperluan Perbadanan Kemajuan Negeri, Negeri Sembilan untuk mengkaji semula strategi pelaburan terhadap harta pelaburan kesan daripada penilaian semula aset yang rendah berbanding tahun terdahulu.
2.	Majlis Agama Islam Negeri Sembilan	Keperluan Majlis Agama Islam Negeri Sembilan menyediakan perjanjian kemudahan pembiayaan Qardh Al-Hassan bersama USIM Tijarah Holdings Sdn. Bhd. Majlis Agama Islam Negeri Islam hendaklah menyelenggara rekod aset-aset wakaf yang dikenal pasti telah diwakafkan kepada Majlis Agama Islam Negeri Sembilan dalam Senarai Harta Sistem Pengurusan Aset.

Sumber: Penyata Kewangan Agensi Tahun 2020

## 6. PEMBENTANGAN PENYATA KEWANGAN

6.1. Akta Badan Berkanun 1980 dan Enakmen penubuhan Badan Berkanun Negeri menetapkan bahawa Penyata Kewangan Agensi yang telah diaudit berserta Laporan Ketua Audit Negara hendaklah dibentangkan di Dewan Undangan Negeri (DUN). Bagi Pihak Berkuasa Tempatan pula, Akta Kerajaan Tempatan 1976 menghendaki satu salinan penyata kewangan dan Laporan Ketua Audit Negara dikemukakan kepada Pihak Berkuasa Negeri dan seterusnya dibentangkan di Dewan Undangan Negeri.

6.2. Setakat 31 Ogos 2022, tiga penyata kewangan agensi tahun 2019 telah dibentangkan di DUN dalam tahun 2021. Selain itu, penyata kewangan tahun 2020 bagi 14 agensi juga telah dibentangkan di DUN. Penyata Kewangan Majlis Sukan Negeri, Negeri Sembilan (MSNNS) yang telah dibuat pengesahan pula tidak perlu dibentangkan di DUN. Butiran adalah seperti dalam **Jadual 7**.

**JADUAL 7**  
**PENYATA KEWANGAN TAHUN 2019 DAN 2020 YANG TELAH**  
**DIBENTANGKAN DI DEWAN UNDANGAN NEGERI SETAKAT 31 OGOS 2022**

BIL.	AGENSI NEGERI	TARIKH PEMBENTANGAN DUN
<b>BADAN BERKANUN NEGERI</b>		
<b>Penyata Kewangan Tahun 2019</b>		
1.	Perbadanan Kemajuan Negeri, Negeri Sembilan	6.9.2021
2.	Perbadanan Baitulmal Negeri Sembilan	6.9.2021
<b>Penyata Kewangan Tahun 2020</b>		
1.	Perbadanan NS	26.11.2021
2.	Perbadanan Perpustakaan Awam Negeri Sembilan	26.11.2021
3.	Lembaga Muzium Negeri Sembilan	26.11.2021
4.	Yayasan Negeri Sembilan	26.11.2021
5.	Perbadanan Kemajuan Negeri, Negeri Sembilan	26.11.2021
6.	Perbadanan Baitulmal Negeri Sembilan	26.11.2021
<b>MAJLIS AGAMA ISLAM</b>		
<b>Penyata Kewangan Tahun 2019</b>		
1.	Majlis Agama Islam Negeri Sembilan	6.9.2021
<b>Penyata Kewangan Tahun 2020</b>		
1.	Majlis Agama Islam Negeri Sembilan	26.11.2021
<b>PIHAK BERKUASA TEMPATAN</b>		
<b>Penyata Kewangan Tahun 2020</b>		
1.	Majlis Bandaraya Seremban	26.11.2021
2.	Majlis Perbandaran Port Dickson	26.11.2021
3.	Majlis Perbandaran Jempol	26.11.2021
4.	Majlis Daerah Jelebu	26.11.2021
5.	Majlis Daerah Tampin	26.11.2021
6.	Majlis Daerah Rembau	26.11.2021
7.	Majlis Daerah Kuala Pilah	26.11.2021

Sumber: Jabatan Audit Negara

## 7. RUMUSAN AUDIT

Sehingga 31 Ogos 2022, sebanyak 10 daripada 14 penyata kewangan yang diterima telah disahkan. Lapan penyata kewangan telah diberikan Pendapat Tanpa Teguran, satu penyata kewangan diberi Pendapat Tanpa Teguran (EOM) dan satu penyata kewangan diberi Pendapat Berteguran.

## 8. SYOR AUDIT

Kerjasama semua peringkat di agensi negeri termasuk pemantauan yang efektif di peringkat Pejabat Kewangan Negeri akan memastikan penyediaan penyata kewangan memenuhi piawaian perakaunan, sistem kawalan dalaman yang berkesan diamalkan

dan rekod perakaunan diselenggarakan dengan teratur. Sehubungan itu, pihak Audit mengesyorkan perkara seperti berikut:

- 8.1. agensi negeri perlu mengemukakan penyata kewangan yang lengkap dan *auditable* mengikut tempoh ditetapkan. Penyata kewangan yang lengkap perlu mengandungi penyata yang ditandatangani oleh Pengerusi dan seorang Ahli Lembaga Pengarah (Akaun Induk dan Akaun Kumpulan), pengakuan oleh pegawai utama yang bertanggungjawab ke atas pengurusan kewangan dan disertakan dengan dokumen sokongan; dan
- 8.2. agensi negeri perlu memastikan penyediaan penyata kewangan adalah selaras dengan piawaian perakaunan yang berkuat kuasa.